

# Perdana Menteri Di Jiwa Rakyat

UM 30/10/2003 - 5 PRECISE



DR. MAHATHIR Mohamad bergambar kenangan bersama Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan pegawai-pegawai kanan Istana Negara selepas menghadap Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara.



DATUK SERI Abdullah Ahmad Badawi berbual mesra dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam.




DR. MAHATHIR Mohamad menghadap Yang di-Pertuan Agong Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara sebelum mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet ke-883 dan yang terakhir baginya di Putrajaya, semalam.



ATAS: Menteri-menteri Kabinet bergambar buat kali terakhir dengan 'bos' mereka, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum mesyuarat kabinet yang ke-883 di Putrajaya.

KIRI: Dr. Mahathir Mohamad mengambil kurma untuk berbuka puasa di Majlis Nur Ramadan dan Berbuka Puasa bersama Perdana Menteri anjuran UMNO Wilayah Persekutuan di Masjid Negara, Kuala Lumpur malam tadi. Turut kelihatan Abdullah Badawi dan Datuk Seri Najib Tun Razak.



TIMBALAN Ketua Setiausaha (Kabinet), Datuk Mazidah Abd. Majid menyampaikan cenderamata berupa angka mesyuarat terakhir kabinet yang dipengeruskannya kepada Dr. Mahathir Mohamad sambil diperhatikan oleh Abdullah Ahmad Badawi di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.



DR. MAHATHIR Mohamad (dua dari kanan) mengaminkan doa selepas selesai solat maghrib di Majlis Nur Ramadan dan Berbuka Puasa bersama Perdana Menteri anjuran UMNO Wilayah Persekutuan, di Masjid Negara Kuala Lumpur malam tadi. Turut kelihatan Tan Sri Muhyiddin Yassin (dua dari kiri).



DR. MAHATHIR Mohamad bersalaman dengan kakitangan Jabatan Perdana Menteri selepas sesi bergambar kenangan bersama mereka sempena persaraan beliau Jumaat ini.



ATAS: Dr. Mahathir Mohamad berjalan meninggalkan Jabatan Perdana Menteri selepas sesi bergambar kenangan dengan anggota Kabinet selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinetnya yang terakhir.

KIRI: Seorang lelaki cacat penglihatan tidak mahu ketinggalan berjabat tangan dengan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas Majlis Nur Ramadan dan Berbuka Puasa bersama Perdana Menteri anjuran UMNO Wilayah Persekutuan, di Masjid Negara Kuala Lumpur, malam tadi.